



Kerajaan bakal umum diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN - PM

Oleh **Ilah Hafiz Aziz dan Latifah Arifin** - Oktober 4, 2022 @ 11:34am
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan bakal mengumumkan berita baik membabitkan pemberian diskaun untuk bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dalam masa terdekat.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia bermatlamat meringankan beban golongan belia, khususnya pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

"Kita akan mengumumkan diskaun kepada peminjam PTPTN dari segi bayaran balik, untuk kategori tertentu," katanya pada Sesi Dialog Awam Bersama Perdana Menteri sempena Program Idea Bina Negara di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Universiti Teknologi MARA (UiTM), di sini, hari ini.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bercakap pada Sesi Dialog Awam Bersama Perdana Menteri bersempena Program Idea Bina Negara bertempat di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam. - NSTP/Asyraf Hamzah

Yang turut hadir ialah Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; serta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Selain itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor, juga hadir.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Shah Alam, Rasydan Mohd Hassan, mengenai langkah kerajaan bagi menyelesaikan isu kos sara hidup yang membelenggu golongan anak muda kini.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, kerajaan melaksanakan banyak inisiatif untuk menangani isu berkenaan, termasuk memberi pelbagai bantuan kepada golongan belia meliputi mahasiswa.

"Pelajar turut terkesan akibat kenaikan harga (barangan). Oleh itu, apabila pelajar mula memasuki kampus pada Oktober ini, program Jualan Murah Keluarga Malaysia akan dilaksanakan di kampus seluruh negara. Bagi program PerantiSiswa pula, pelajar tidak perlu memulangkan (peranti), ia diberi terus kepada mereka.

"Banyak lagi yang kita beri seperti e-Wallet dan program e-Pemula, malah juga untuk golongan muda bukan pelajar. Bagi pembeli rumah pertama yang sesetengahnya bekerja tetapi tiada slip gaji, kita perkenalkan Skim Jaminan Kredit Perumahan yang mana jika tiada slip gaji pun boleh membuat pinjaman kerana ia akan dijamin oleh kerajaan," katanya sambil menjelaskan skim itu turut memanfaatkan golongan belia luar bandar yang bekerja sendiri.

Pada majlis sama, Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Muhammad A'linur Ahlam Abu Bakar turut menyerahkan naskhah berjudul 'Idea Anak Muda kepada Perdana Menteri'.

Buku berkenaan mengandungi kompilasi idea anak muda yang dikumpulkan daripada Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia yang diadakan di seluruh negara.

Idea Bina Negara adalah sebuah platform digital bagi membolehkan rakyat Malaysia, terutama mahasiswa dan golongan muda Keluarga Malaysia, mengemukakan idea serta pandangan kepada kerajaan bagi pembangunan masa depan negara.

Platform itu berjaya meraih 12,794 idea daripada 10,090 responden melalui laman sesawang: www.ideabinanegara.my dan media sosial rasmi Idea Bina Negara.



(Gambar fail) Foto hiasan